

“...EJ DAN ABC...”

Oleh

Oliver anak Gabriel Jangko

Sekolah Kebangsaan SDP,
94700 Serian, Sarawak.

Abstrak

Kajian ini dijalankan apabila saya dapati EJ, seorang murid Tahun 1 belum mengenal huruf A hingga Z. Beliau suka membisu apabila aktiviti membaca dijalankan. Semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan, EJ tidak akan berganjak dari tempat duduknya walaupun diminta duduk di depan kelas bersama murid-murid yang lain. Beliau suka mengasingkan diri dan sentiasa membisu kerana berasa malu disebabkan masih buta huruf. Kajian ini bertujuan membantu EJ supaya dapat mengenal dan menyebut huruf A hingga Z. Satu Program Bimbingan Individu secara intensif dirancang dan dilaksanakan untuk membantu EJ mengenal dan menyebut huruf A hingga Z yang telah mengubah sikap berdiam diri menjadi seorang yang periang dan mampu bersaing dengan murid lain. Beliau bukan setakat boleh mengenal dan menyebut huruf A hingga Z tetapi kini telah boleh menyanyi lagu ABC dan menulis beberapa huruf dengan betul. Di samping itu, EJ juga telah dapat menulis beberapa perkataan mudah dengan betul.

PENGENALAN

Sekolah Kebangsaan SDP terletak kira-kira 10 kilometer dari Bandar Serian. Sekolah ini mempunyai enam buah kelas dan sebuah kelas pemulihan biasa. Sekolah ini menempatkan seramai 163 orang murid, 12 orang guru serta 4 orang staf sokongan. Sekolah ini terletak di atas sebuah bukit yang dikenali sebagai Bukit Manggon. Saya mula bertugas di sekolah ini pada tahun 1995 dan sering kali diminta mengajar kelas Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3. Selama sepuluh tahun pengalaman mengajar di sekolah ini, belum pernah saya mengajar murid yang belum dapat mengenal huruf A hingga Z seperti EJ kerana murid-murid sekolah ini telah mengikuti TADIKa selama setahun.

Suasana hari pertama persekolahan tahun 2005 dipenuhi dengan pelbagai telatah murid-murid dan ibu bapa. Perangai dan tingkah laku murid-murid Tahun 1 pada tahun ini sungguh berbeza dengan murid-murid Tahun 1 yang pernah saya ajar.

Guru-guru lain juga sependapat dengan saya. Mereka mengatakan yang murid-murid Tahun 1 ini sangat berbeza dan agak aneh daripada murid-murid Tahun 1 yang lepas sehingga sesetengah orang guru mengatakan murid-murid Tahun 1 ini dilahirkan pada 'Tahun Harimau' yang menyebabkan mereka terlalu aktif, suka keluar masuk kelas, suka menyanyi, suka bercakap, tidak mahu duduk diam serta selalu bermain dalam kelas sehingga sukar untuk dikawal. Semua guru yang mengajar mata pelajaran di kelas Tahun 1 sentiasa mengeluh dan berpeluh apabila masuk ke kelas ini. Semua guru yang mengajar kelas Tahun1 adalah guru lelaki.

Saya telah ditugaskan untuk mengajar Bahasa Melayu. Setelah lebih kurang dua minggu mengajar kelas ini, saya dapati mereka sangat aktif semasa sesi soal jawab tetapi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan, mereka tidak mengambil penuh perhatian terutamanya semasa aktiviti bacaan. Ramai yang tidak suka membaca atau mengikut apa yang dibaca oleh guru. Ini berlainan pula semasa aktiviti nyanyian yang mana mereka akan menyanyi sekuat hati sambil menjerit.

KEPRIHATINAN SAYA

Kajian ini bermula ketika saya berdepan dengan seorang murid saya yang saya namakan EJ. Satu ketika semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan, saya memanggil semua murid duduk di hadapan untuk menyebut huruf A hingga Z. Saya dapati EJ tidak mahu duduk di hadapan bersama dengan murid-murid yang lain. EJ masih duduk di tempatnya sambil menundukkan kepalanya di atas meja seperti mahu tidur. Kadang kala EJ bangun dari tempat duduknya dan keluar pergi ke tandas tanpa memberitahu saya. Saya berasa hairan kenapa EJ berbuat begitu. Apabila ditegur kenapa dia berbuat begitu, EJ hanya mengukir sebuah senyuman sahaja. Kemudian rakan-rakannya yang lain memberitahu saya bahawa EJ memang begitu kerana dia buta huruf. Saya pun mendekati EJ dan memujuknya duduk di hadapan bersama murid-murid yang lain. Puas saya memujuknya tetapi masih juga EJ tidak berganjak dari tempat duduknya.

Sejak itu, EJ sentiasa menjadi tumpuan saya setiap kali aktiviti individu dijalankan terutamanya aktiviti membaca. Dengan bantuan dan perhatian yang diberikan, EJ

dapat mengenal dan menyebut separuh daripada huruf A hingga Z sebulan selepas itu.

Sehingga akhir bulan April 2005 yang lalu, EJ sudah pandai menyebut huruf A hingga Z secara tersusun tetapi masih tidak dapat menyebut secara rawak. Hampir semua murid yang lain sudah pandai membaca dan menulis perkataan mudah dengan betul. Murid-murid yang lain juga suka mengejek EJ kerana lambat dari segi pembelajaran. Ada sesetengah rakan sekelasnya mengatakan dia *bakok* (bodoh) dan *short wire* (tidak siuman).

Dengan itu, saya merancang suatu tindakan yang dapat membantunya menguasai kemahiran menyebut huruf A hingga Z secara rawak dengan lancar dan betul. Saya perlu merenung kembali amalan pengajaran dan pembelajaran saya sebelum ini untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan saya. Saya perlu mengambil perhatian yang lebih kepada EJ supaya dapat membantunya mengenal dan menyebut huruf A hingga Z secara rawak dengan betul.

TINJAUAN AWAL

EJ, 7 tahun, anak tunggal hasil perkahwinan bapanya dengan seorang perempuan Iban. Apabila EJ baru berusia 1 tahun, ibunya telah lari meninggalkan ayahnya. EJ terpaksa dijaga oleh datuk dan neneknya. EJ merupakan seorang murid yang jarang bersuara di kalangan rakan-rakannya. Apabila ditanya, beliau hanya tersenyum dan menggelengkan kepalanya. Kadang-kadang beliau hanya menjawab sepatah dua kata sahaja yang masih belum lancar dan suka menggunakan bahasa ibundanya iaitu bahasa Bidayuh. Banyak kali beliau hanya membisu apabila disoal. EJ jarang bergaul dengan murid-murid lain. Ketika saya menjalankan aktiviti kelas, EJ hanya duduk dibangkunya. Ketika di tempat duduknya, EJ selalu menggeliat, meniarap di atas meja, dan sekali-sekala tersenyum. Walaupun EJ tidak menangis apabila diusik dan diejek oleh rakan-rakannya tetapi beliau akan mencubit sesiapa saja yang mengganggunya. Oleh itu, tidak seorang pun rakannya yang berani duduk dengannya.

EJ dihantar oleh datuknya sehingga ke dalam kelas. Sering kali juga dia tidak mahu masuk ke dalam kelas dan mengikut datuknya balik ke rumah. Kalau *moodnya* ada, beliau terus mendapatkan tempat duduknya sambil mengelas bekas minumannya. Semasa saya menghimpunkan murid-murid untuk rutin pagi, EJ sentiasa menjadi murid yang terakhir hadir ke hadapan kelas, itupun setelah puas dipujuk. Biasanya EJ perlu dipujuk dan diyakinkan terlebih dahulu sebelum beliau dapat meninggalkan bangkunya. Itupun beliau selalunya akan terus membawa bekas minumannya bersama. Tetapi kalau *moodnya* tidak ada, walau apa cara diguna untuk pujuk beliau, beliau tetap tidak mahu berganjak dari tempat duduknya.

EJ juga kerap tidak hadir ke sekolah. Sepanjang tempoh dari bulan Mac hingga Julai 2005, kehadiran EJ ke sekolah agak kurang memuaskan. Jadual 1 menunjukkan kehadiran EJ ke sekolah EJ bagi tempoh tersebut.

Jadual 1: Kehadiran EJ ke sekolah, Mac hingga Jun 2005

Bulan	Mac	April	Mei	Jun
Perkara				
Bil. tidak hadir	4	3	4	8
Bil. Hadir	12	17	14	6
Bil.hari persekolahan	18	20	18	14

Keadaan ini menyebabkan EJ sering ketinggalan berbanding dengan rakan-rakannya selain menjejaskan tumpuan EJ. Setiap kali EJ datang ke sekolah, beliau sentiasa perlu dipujuk terlebih dahulu sebelum dapat berkumpul dengan murid-murid lain dalam aktiviti kelas. Apabila duduk di hadapan kelas, beliau jarang bersuara. Namanya selalu dipanggil kerana selalu tidak memberi tumpuan kepada pengajaran saya. Apabila saya meminta murid-murid menyebut huruf A hingga Z, EJ hanya berdiam diri sahaja. Murid-murid yang lain boleh menyebut huruf A hingga Z tanpa merujuk kepada carta huruf. Apabila saya mendapati EJ tidak ikut membaca, saya pun memintanya berdiri di hadapan dan menyebut huruf-huruf pada carta yang dipamerkan. Rupa-rupanya EJ langsung tidak mengenal huruf A hingga Z. Keputusan ujian semester 1 juga menunjukkan yang EJ seorang murid yang paling lemah. Hampir kesemua mata pelajarannya mendapat E kecuali Bahasa Inggerisnya D. Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian EJ. EJ merupakan seorang murid yang sangat lemah dalam semua subjek.

Jadual 2: Keputusan Ujian Semester 1 (2005) Kelas EJ

BIL.	NAMA MURID	BM (PEM)	BM (PEN)	BI	MT	SAINS
1.	ADIK	63	16	25	70	58
2.	ADU	78	66	65	50	90
3.	ALI	25	8	39	14	38
4.	ALAN	85	72	64	50	5
5.	ATAN	80	84	71	70	43
6.	ALWIN	28	8	39	24	12
7.	BETTY	48	8	35	20	15
8.	BATES	40	28	53	30	45
9.	BOB	33	4	17	16	7
10.	CANDID	20	48	21	32	12
11.	CAROL	85	72	40	96	45
12.	DANA	45	12	39	48	33
13.	ELIZA	68	64	60	80	53
14.	ELBERT	65	6	64	26	60
15.	EJ	19	9	28	14	5
16.	FRED	45	10	60	56	45
17.	GILBERT	78	90	64	74	70
18.	GLADIES	20	36	42	46	13
19.	LAMBART	85	94	89	80	77
20.	MARK	58	48	39	68	22
21.	MASTER	60	18	42	26	10
22.	MAXIM	83	98	42	70	73
23.	PATRICIA	33	4	50	14	43
24.	PHILOP	63	20	64	62	62
25.	RICH	93	96	64	72	68
26.	SHARON	88	88	71	92	77
27.	SHARMAN	75	74	57	84	35
28.	SIMON	83	80	53	82	77
29.	THOMAS	65	88	60	70	28
30.	VERONICA	53	66	35	72	28

OBJEKTIF KAJIAN

Saya pun merancang suatu tindakan yang dapat membantu saya dalam kajian ini untuk:

1. mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran saya yang sesuai bagi menolong EJ supaya boleh mengenal dan menyebut huruf A hingga Z dengan betul; serta

- 2 meningkatkan minat dan keyakinan EJ untuk mengenal dan menyebut huruf A hingga Z dengan betul.

PERANCANGAN TINDAKAN

Bagi mencapai objektif kajian ini, saya telah merancang satu Program Bimbingan Individu secara intensif. Saya memperuntukkan masa selama 10 minit setiap hari untuk tempoh selama lima bulan bersama EJ. Ini bertujuan memberi peluang kepada EJ agar mendapat perhatian dan bimbingan individu lebih daripada saya sebelum dapat mengikuti rakan-rakannya yang lain.

Program ini saya jalankan di dalam bilik darjah iaitu sewaktu murid-murid yang lain menjalankan aktiviti bertulis. Saya memanggilnya ke meja saya dan memulakan aktiviti mengenal dan menyebut huruf A hingga Z.

PELAKSANAAN TINDAKAN DAN DAPATAN KAJIAN.

Saya bermula dengan melaksanakan aktiviti bertulis untuk murid-murid yang lain. Kemudian, EJ dipanggil ke meja saya untuk memulakan aktiviti bimbingan yang telah dirancang. Aktiviti yang saya jalankan adalah seperti berikut.

1. Memperkenalkan satu hari satu huruf kepadanya dengan menggunakan kad huruf. Sebagai contohnya bagi huruf A, saya menunjukkan huruf tersebut dan menyebutnya. Lepas itu saya meminta EJ menyebutnya berulang kali sehingga betul. Begitulah seterusnya dengan huruf-huruf yang lain. Tarikh pelaksanaan tindakan ialah pada 28.02.2005 hingga 8.04.2005 (tempohnya selama 26 hari).
2. Menunjukkan kad-kad huruf dan memintanya menyebut huruf-huruf tersebut mengikut susunan huruf A hingga Z sehingga betul. Tarikh pelaksanaan tindakan ialah pada 11.04.2005 hingga 22.04.2005 (tempohnya selama 2 minggu).


3. Menyanyi lagu ABC dan meminta EJ menyanyi dengan merujuk kepada carta huruf. Lagu tersebut dengan huruf-hurufnya adalah seperti berikut: “ABCDEFGH...; IJKLMNOP...; OPQRSTU...; VWXYZ.” Saya dapati EJ lebih berminat untuk menyanyi lagu ABC ini. Tarikh pelaksanaan tindakan ialah pada 25.04.2005 hingga 29.04.2005 (tempohnya selama 1 minggu).
4. Menunjukkan kad huruf secara rawak dan memintanya menyebut huruf-huruf tersebut sehingga berjaya. Sebagai contohnya, kad huruf berikut ditunjukkan dan dimintanya menyebut huruf-huruf berkenaan:

X	B	D	M	Z	Q
P	O	M	Z dan sebagainya.		

Tarikh pelaksanaan tindakan ialah pada 3.05.2005 hingga 13.05.2005 (Tempohnya selama 2 minggu).


5. Saya pula menyebut huruf dan memintanya menunjukkan huruf tersebut sehingga betul. Tarikh pelaksanaan tindakan ialah pada 16.05.2005 hingga 27.05.2005. (tempohnya ialah selama 2 minggu).
6. Beliau sendiri pula memilih sebarang kad huruf secara rawak dan menyebutnya sehingga betul. Tarikh pelaksanaan tindakan ialah pada 13.06.2005 hingga 17.06.2005 (tempohnya selama 1 minggu).

Setakat hari ini, hasil daripada pelaksanaan tindakan saya, EJ telah dapat mengenal dan menyebut huruf A hingga Z dengan betul. EJ juga telah mula pandai menulis beberapa huruf dengan betul. EJ juga telah pandai menulis perkataan-perkataan mudah yang ditulis di papan tulis. Rajah 1 menunjukkan hasil kerja EJ yang telah mula pandai menulis huruf-huruf A hingga Z.



Rajah 1: Hasil kerja EJ yang boleh menulis huruf A hingga Z

Rajah 2 pula menunjukkan EJ telah dapat menyalin perkataan-perkataan mudah yang ditulis pada papan tulis.



Rajah 2: Hasil kerja EJ yang dapat menyalin perkataan-perkataan mudah

REFLEKSI

Tindakan berbentuk bimbingan secara individu yang saya lakukan didapati telah membuahkan hasil yang diharapkan. Isi kandungan aktiviti dalam program bimbingan yang dirancang ternyata dapat menarik minat EJ dan memupuk keyakinan EJ untuk mengenal, menyebut dan menulis huruf A hingga Z dengan betul. EJ juga telah mempunyai keyakinan untuk menulis perkataan-perkataan mudah dengan betul. Keyakinan yang sudah ada pada EJ untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran seperti murid-murid lain sedikit sebanyak telah melegakan hati saya. Harapan saya semoga keyakinan yang ada pada EJ akan membolehkannya bersaing dengan murid-murid yang lain supaya dia tidak ketinggalan dalam pelajaran.

Walau bagaimanapun, program bimbingan secara individu bersama EJ telah menimbulkan pelbagai dilema pada diri saya. Semasa melaksanakan program bimbingan bersama EJ, saya mendapati murid-murid yang lain mula merasa cemburu dan sering kali membuat bising semasa membuat aktiviti bertulis yang diberikan. Oleh itu, saya terpaksa menerangkan kepada mereka bahawa EJ perlu diberikan perhatian lebih berbanding dengan murid-murid lain yang sudah ada keyakinan untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran. Selepas penjelasan ini, barulah mereka faham dan akhirnya mereka dapat memberi kerjasama serta sokongan kepada saya dan EJ. Saya berasa sungguh gembira kerana sedikit sebanyak telah dapat menyelesaikan masalah EJ.

Selepas kajian ini, saya akan meneruskan penyelidikan tindakan ini tetapi saya akan memberi fokus kepada masalah lain iaitu masalah murid yang tidak dapat membatangkan suku kata dengan betul.

BIBLIOGRAFI

Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Penyelidikan Tindakan Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik keseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.

Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.